

15 MAY 1997

Railey-Kemahiran

GANJARAN RM20,000 JIKA MENANG PINGAT EMAS

PETALING JAYA, 15 Mei (Bernama) -- Kerajaan menawarkan ganjaran RM20,000 kepada peserta negara yang memenangi pingat emas di Olimpik Kemahiran Belia Antarabangsa ke-34 yang akan berlangsung di St. Gallen, Switzerland dari 27 Jun hingga 11 Julai ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Railey Jeffrey berkata ganjaran RM10,000 ditawarkan kepada pemenang pingat perak dan RM5,000 bagi gangsa.

Malaysia akan menghantar 20 wakil pada pertandingan itu yang melibatkan lebih 500 peserta dari 30 negara, kata Railey kepada pemberita selepas melawat Nestle House, ibu pejabat syarikat Nestle di sini hari ini.

Antara bidang yang akan disertai oleh peserta Malaysia ialah gagasan, kimpalan, penjubinan, pemasangan paip, penerapan bata, pembuatan pakaian wanita dan teknik penyejukbekuan.

Keseluruhannya 38 bidang kemahiran dipertandingkan pada kejohanan itu.

Malaysia setakat ini cuma memenangi sijil-sijil kecemerlangan sejak menyertai pertandingan itu di Taipei (1993) dan di Lyon, Perancis (1995).

Mengenai pertandingan Johan Kemahiran Malaysia tahun ini, Railey berkata bidang baru akan diperkenalkan iaitu Teknologi Maklumat untuk kategori belia.

"Ini sebagai menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat Malaysia mempunyai kesedaran dan menguasai teknologi maklumat dan seterusnya menjayakan projek Koridor Raya Multimedia," katanya.

Pertandingan ini akan dibahagikan kepada kategori terbuka, belia dan berpasukan meliputi 23 bidang kemahiran.

Pertandingan kali kelapan itu akan berlangsung selama seminggu mulai 18 Sept di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan dan Institut Teknologi Mara, di Shah Alam. -- BERNAMA

AMH MAI